

02 DEC 2000

Sukan-Golf-Wanita (Penonton)

PERDANA MENTERI ANTARA YANG HADIR KEJOHANAN HARI KEDUA

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Pusingan kedua Kejohanan Golf Piala Dunia Wanita yang pertama di The Mines Resort & Golf Club di sini hari ini, menarik minat 1,000 penonton berbanding cuma 200 semalam.

Antara mereka ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat kunjungan tanpa jadual menyaksikan acara ini. Beliau diiringi pengerusi jawatankuasa penganjur kejohanan, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Bagaimanapun jumlah itu gagal menandingi kehadiran pada Kejohanan Golf Lelaki Piala Dunia tahun lepas, yang turut disertai lagenda golf dunia, Tiger Woods dari Amerika Syarikat. Ketika itu lebih 10,000 peminat berpusu-pusu menyaksikan kejohanan itu.

Faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku mungkin kerana pesertanya tidak sehebat pemain lelaki terutama Tiger Woods yang mempunyai banyak peminat di sini.

Kedua, mungkin kejohanan ini diadakan dalam bulan puasa menyebabkan ramai peminat beragama Islam tidak mahu menyaksikannya.

Cuaca juga mungkin antara faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku.

Sebelum kejohanan bermula, hujan lebat sering turun terutama sebelah tengahari.

Keadaan itu mungkin menyebabkan ramai peminat enggan datang ke The Mines Resort & Golf Club menyaksikan kejohanan.

Bagaimanapun sejak dimulakan Khamis lepas dengan kejohanan Pro-Am, hujan tidaklah seteruk mana, malah kejohanan dapat dijalankan dengan sempurna. Hujan hanya turun selepas kejohanan berakhir.

Mengikut penganjur sebanyak 6,000 tiket habis dijual.

Pihak penganjur berharap ramai penonton akan menyaksikan kejohanan hari terakhir esok.

-- BERNAMA

KAY ZB